

11/08/2000

Negara lain tidak berhak kritik sistem kehakiman Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis - Negara lain tidak berhak mengkritik serta membuat andaian negatif terhadap sistem perundangan dan kehakiman negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Sebagai negara berdaulat, katanya, Malaysia berhak serta bebas menjalankan sistem pentadbiran dan kehakimannya dalam bentuk kerajaan yang mempunyai asas demokrasi tersendiri.

"Di bawah peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebuah negara mesti bebas untuk mewujudkan perkhidmatan penghakiman sendiri.

"Sesebuah negara mesti dibenarkan menjalankan sistem sendiri dalam bentuk struktur kerajaan berasaskan sistem demokrasi sendiri," katanya selepas majlis taklimat dengan pegawai di Amanah Raya Berhad, di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat dan Australia yang kurang senang dengan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah atas tuduhan meliwat.

Jurucakap Jabatan Negara Amerika, Richard Boucher dalam kenyataannya semalam, meyifatkan tempoh hukuman Anwar sebagai terlalu panjang manakala Perdana Menteri Australia, John Howard, berkata keputusan itu sebagai kempen politik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Rais berkata, Malaysia tidak pernah campur tangan dalam mana-mana urusan dalaman Amerika Syarikat dan Australia yang dianggap kontroversi terutama membabitkan sistem kehakiman serta isu hak asasi manusia di negara itu.

Beliau berkata, undang-undang di negara ini adil kerana sebelum Anwar, beberapa bekas menteri, bekas menteri besar dan ahli exco kerajaan negeri pernah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Mengenai ada yang mempertikaikan hukuman penjara terhadap kesalahan liwat Anwar, Dr Rais berkata, undang-undang itu adalah satu dokumen lama yang dijadikan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan ketika British mula memerintah negara pada 1885.

"Undang-undang ini (liwat) memang sudah sedia ada dan diterima sebagai satu undang-undang negara, bukan saja di Malaysia tetapi di India dan juga Singapura.

"Jangan salah faham dengan konsep gay kerana ia adalah perkara berasingan dan meliwat juga adalah sesuatu yang berbeza. Ramai beranggapan perkara ini sama sedangkan pandangan itu tidak benar," katanya.

(END)